

## Menelusuri Dunia Taekwondo

Mastura Binti Mohd Rosly  
Sakinah Mardhiah Binti Mustafa  
Mazlina Pati Khan  
Jannatul Iza Ahmad Kamal

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam,  
Selangor

### **Abstrak**

*Artikel ini merungkai perkembangan seni pertahanan diri Taekwondo di Malaysia yang merupakan sukan yang amat dikenali ramai, terutamanya dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Dapatan kajian ini adalah berasaskan kepada wawancara sejarah lisan bersama seorang tokoh yang merupakan bekas atlet Taekwondo, jurulatih serta Naib Presiden Persatuan Taekwondo Malaysia iaitu Master KM Rajendran. Dengan pengalaman beliau selama 40 tahun ini, beliau berkongsi bagaimana dunia Taekwondo berkembang, pakaian Taekwondo, warna tali pinggang, teknik Taekwondo dan peraturan-peraturan pertandingan. Kajian literatur juga dibuat sebagai bukti untuk menguatkan fakta yang diberikan.*

**Kata Kunci:** KM Rajendran, taekwondo, seni bela diri, sukan, teknik Taekwondo

### **Abstract**

*This article is about the martial art of Taekwondo in Malaysia which is the one of the sport that most of the people known, especially in primary school and secondary school. This finding is based on the oral history interview with one of the leader. He is the former athlete of Taekwondo and also the coach as well as the vice-president of Taekwondo Malaysia. He is Master KM Rajendran. With his experience for 40 years, he shared how the world of Taekwondo developed*

*and also his perspective about the young athlete Taekwondo. Literature research has been made as an evidence to corroborate the facts.*

**Keyword:** *KM Rajendran, taekwondo, martial arts, sports, technique, taboo*

### **Pengenalan**

Taekwondo merupakan salah satu seni pertahanan diri yang sememangnya tidak perlu diperkenalkan lagi, didatangkan dari Korea yang sememangnya hebat dalam seni tempur. Nama Taekwondo digunakan sejak tahun 1955 yang membawa maksud, “Tae” adalah tendangan, manakala “Kwon” ialah penumbuk dan “Do” bermaksud cara. Secara keseluruhannya Taekwondo bermaksud “cara tumbukan dan tendangan” (Southwick, R, 1988).

Pada tahun 1972, Taekwondo bertapak di Kukkiwon, Seoul, Korea yang merupakan titik permulaan bagi penyebaran Taekwondo ke seluruh dunia (Tirtawirya, D, 2005). Kukkiwon merupakan ibu pejabat Taekwondo Dunia yang merupakan satu badan organisasi rasmi ditubuhkan oleh kerajaan Korea Selatan (Kukkiwon, World Taekwondo Headquarters, 2019). Nama lain bagi ibu pejabat Taekwondo Dunia ialah “World Taekwondo Federation(WTF)” yang berfungsi bagi memelihara asas Taekwondo dan perkembangannya (Southwick, R, 1988).

Kini, Taekwondo menjadi sangat menarik dan berkembang kerana ianya lebih mementingkan penggunaan kaki berbanding penggunaan tangan. Bafirman (2019), menyatakan bahawa tendangan yang dihasilkan dari kaki memberi impak yang lebih tinggi dan kuat kepada pihak lawan. Walaubagaimana pun, seni ini juga melibatkan pergerakan tangan yang menghasilkan pukulan ke arah dada dan tangkisan terhadap serangan daripada pihak lawan.

### **Sejarah Penubuhan Taekwondo Malaysia**

Taekwondo diperkenalkan di Malaysia oleh seorang Panglima Angkatan Tentera yang dikenali sebagai Jeneral Choi. Beliau merupakan seorang duta Korea yang ditugaskan untuk berkhidmat di Malaysia. Oleh hal yang demikian,

beliau membawa masuk seni bela diri ini ke Malaysia pada tahun 1960-an. Pada ketika itu, Jeneral Choi merupakan ahli Taekwondo yang berpangkat “*Grandmaster*” di dalam seni mempertahankan diri ini. Rentetan itu, Taekwondo mula diwujudkan pada lewat tahun 1963 dan sewaktu tahun 70-an Persatuan Taekwondo Malaysia telah didaftarkan secara rasmi sebagai satu badan persatuan pada tahun 1974.

Pada tahun 1963 pula, penubuhan Taekwondo Selangor telah ditubuhkan. Pada waktu itu Jeneral Choi memulakan aktiviti latihan Taekwondo di Malaysia tetapi tidak dipersetujui oleh ahli-ahli organisasi Taekwondo Korea. Pembentukan Taekwondo Antarabangsa (ITF) ditubuhkan hasil daripada bantahan tersebut. Pembentukan ini diketuai oleh Dr. Un Yong Kim yang berasal dari Korea Selatan. Kebanyakan para jurulatih bagi Taekwondo Malaysia merupakan individu yang berasal dari Korea. Oleh hal yang demikian, para pelatih senior Taekwondo dari pertubuhan negeri Selangor mula menyedari reputasi sukan Taekwondo di Malaysia sedikit terjejas terutamanya dari aspek polisi (Suhaeri, 2019).

Isu daripada penggubahan undang-undang Taekwondo oleh jurulatih warga Korea banyak menimbulkan ketidakpuasan hati para atlet Taekwondo di negara ini. Rentetan daripada ini, atlet tempatan mewujudkan Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA) pada tahun 1974 yang diterajui oleh tiga (3) orang ‘*Grandmaster*’ iaitu Encik Leow Cheng Koon, Encik Chi Mee Keong, dan juga Encik Christopher Lai. Persatuan ini menjalinkan hubungan baik dengan Persatuan Taekwondo Dunia (WTF) bagi tujuan mendapatkan maklumat teknikal dengan tepat, kursus-kursus yang ditawarkan serta latihan dan pertandingan yang bakal diadakan. Oleh hal yang demikian, MTA berjaya memberikan banyak sumbangan kepada negara dengan menjuarai pertandingan-pertandingan yang melibatkan sukan Taekwondo.

Setelah sekian lama MTA beroperasi, pada tahun 2005 MTA terpaksa dibubarkan kerana masalah politik dalaman persatuan yang mana pada ketika itu terwujudnya dua (2) lagi persatuan Taekwondo di Malaysia iaitu Malaysia Taekwondo Club Association (MTCA) dan Malaysian Taekwondo Federation (MTF). Disebabkan isu-isu politik tersebut, MTA menyaman pesuruhjaya sukan. Pada tahun 2009, Menteri Belia dan Sukan mengarahkan ketiga-tiga persatuan tersebut untuk ditutup dan menubuhkan satu agensi yang baru.

Agensi tersebut ialah Taekwondo Malaysia (TM) yang telah ditubuhkan pada 18 Februari 2010 yang diterajui oleh Y.A.M Tengku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar (Yayasan Sime Darby, 2019). Namun penubuhan ini masih menimbulkan ketidakpuasanhati yang berterusan dalam kalangan warga MTA dan TM. Tetapi hingga hari ini, MTA masih meneruskan perjuangan mereka sebagai salah sebuah persatuan Taekwondo di Malaysia. (Southwick)



Gambar 1: Logo Taekwondo Malaysia (Taekwondo Malaysia, 2015).

### Pakaian Taekwondo

Pakaian Taekwondo atau nama lainnya adalah “dobok” (rumah taekwondo, 2014) yang berasal dari perkataan Korea. “Dobok” berwarna putih seperti yang sering dipakai oleh para atlet semasa latihan dan perlawanan. Sewaktu perlawanan ‘Kyorugi’, para atlet tidak dibenarkan sama sekali untuk memakai sebarang aksesori. Sewaktu perlawanan, para atlet Taekwondo dikehendaki memakai peralatan-peralatan keselamatan bagi mengelakkan kecederaan pada tubuh badan mereka.



Gambar 2: Acara ‘Kyorugi’ (Berita Harian, 27 Ogos 2017).

Taekwondo 'Poomsae' pula adalah gerakan-gerakan kombinasi yang dirancang untuk berlatih tanpa instruktur, dengan menggunakan dasar kerja yang tetap dari menyerang dan bertahan (Suryadi, Vincentius Yoyok, 2018). Acara ini tidak melibatkan pihak lawan dan peralatan-peralatan seperti "mouth piece", "head gear", "vest" dan sebagainya tidak diperlukan. Para atlet acara "Poomsae" ini hanya perlu memakai 'dobok', dan juga tali pinggang hitam. Kedua-dua acara ini, para atlet tidak dibenarkan untuk memakai sebarang aksesori semasa perlawanan berlangsung.



Gambar 3: Acara 'Poomsae' (New Straits Times (2018, May 30)).

### Warna Tali Pinggang

Seni mempertahankan diri Taekwondo sinonim dengan warna tali pinggang di mana terdapat enam warna tali pinggang. Antara warna-warna tersebut ialah putih, kuning, hijau, biru, merah, dan hitam (Sukan Taekwondo, 2014). Setiap warna tali pinggang mempunyai aras atau tahap di dalam Taekwondo. Berikut merupakan deskripsi untuk setiap peringkat tali pinggang.

Tahap	Warna	Deskripsi
1	Putih	Bersih suci dari apa-apa pengetahuan tentang seni tentang seni Taekwondo
2	Kuning	Tanah iaitu bermula dari bawah.
3	Hijau	Gunung atau pokok dimana ilmunya semakin tinggi dan banyak
4	Biru	Awan dan langit
5	Merah	Panas atau matahari dimana semangat yang membara untuk berlawan

6	Hitam	Gelap atau sudah dewasa
---	-------	-------------------------

*Jadual 1 menunjukkan tahap, warna dan deskripsi tali pinggang dalam seni Taekwondo.*

Tali pinggang hitam ini pula mempunyai 9 tahap. Setiap tahap tersebut dipanggil 'DAN' yang membawa maksud kepada 'degree'. (HealthyCareInfo (2019) Setiap peringkat DAN mengambil masa yang lama untuk capai ke 'DAN' 9. Berikut ialah tempoh masa bagi seseorang untuk capai setiap tahap 'DAN' dalam tali pinggang hitam.

Peringkat 'DAN'	Tempoh Masa (Tahun)
1-2	1
2-3	2
3-4	3
4-5	4
5-6	5
6-7	6
7-8	8
8-9	9

*Jadual 2 menunjukkan tempoh masa bagi peringkat 'DAN' dalam tali pinggang hitam.*



Gambar 4: Warna Tali Pinggang Taekwondo (UNANSEA, 2018)

### **Teknik Taekwondo**

Terdapat beberapa teknik asas yang perlu diberi keutamaan dalam seni bela diri ini, antaranya ialah '*front kick*', '*turning kick*' dan '*side kick*'. Ketiga-tiga teknik ini merupakan teknik tendangan asas yang perlu dimahiri oleh setiap atlet tahap satu. Walaubagaimana pun, setiap teknik tendangan akan bertambah dan berubah sedikit demi sedikit mengikut tahap seni pertahanan ini. Disamping itu, terdapat juga beberapa teknik lain selain tendangan, iaitu teknik pukulan dan tangkisan. Pukulan yang dipraktikkan dalam Taekwondo adalah untuk memberi tindak balas atau menyerang pihak lawan. Manakala, tangkisan pula adalah satu tindakan atau aksi yang dipraktikkan untuk menghalang serangan pihak lawan dari terus mengena ke arah tempat yang ditujukan (Rita Nora, 2018). Berdasarkan wawancara bersama *Master KM Rajendran* (2019), beliau berkata bahawa sejurus atlet meningkat dari satu tahap ke tahap yang lain, setiap teknik tendangan akan berubah dan bertambah sukar yang menyebabkan atlet perlulah mempunyai fleksibiliti badan yang tinggi. Beliau turut menyatakan beberapa teknik tendangan yang sukar untuk dipelajari bagi para atlet iaitu '*aerial kicks*' dan '*aerial kicks acrobatic*'.

### **Peraturan Sukan Taekwondo**

Sudah menjadi adat di dalam setiap sukan yang mana menang atau kalah merupakan lumrah sesebuah pertandingan. Oleh hal yang demikian, terdapat peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap atlet semasa menjalani pertandingan Taekwondo. Dalam sukan Taekwondo, pihak lawan tidak boleh menunjukkan emosi marah sehingga menyebabkan situasi yang kurang senang untuk dilihat seperti menendang kerusi, mencampakkan '*head gear*' atau lain-lain aksi yang seumpama dengannya. Aksi sebegini akan ditolak markah dan boleh dikenakan hukuman gantung. Dalam masa yang sama, sikap jurulatih juga boleh menjadi salah satu punca atletnya disingkirkan atau ditolak markah kerana menengking pihak lawan dan tidak menghormati pertandingan.

Selain daripada itu, atlet juga perlu mengikut peraturan berat ideal untuk bertanding. Para atlet akan diperlukan untuk menimbang berat badan masing-

masing supaya tidak melebihi kadar berat yang ditetapkan untuk setiap kategori perlawanan. Jika didapati berat para atlet melebihi berat yang dibenarkan, maka secara automatiknya atlet akan disingkirkan. (Fresh Beautiful Style, 2019).

### Kesimpulan

Era globalisasi ini, kebanyakan masyarakat tidak peduli akan kepentingan seni mempertahankan diri. Mereka terlalu obses dengan kecanggihan teknologi yang menyebabkan mereka memilih untuk tidak menceburkan diri dalam bidang sukan. Mereka juga tidak menganggap seni mempertahankan diri ini sebagai persediaan yang wajib untuk dipersiapkan dalam diri mereka. Seni mempertahankan diri seperti Taekwondo, Silat, Karate, Judo dan lain-lain perlu dipelajari dari peringkat awal lagi sebagai asas kehidupan dan keperingkat yang paling tinggi untuk kepuasan individu. Hal ini kerana, seni ini boleh digunakan untuk mempertahankan diri daripada diragut, diganggu atau sebagainya. Amatlah rugi jika masyarakat tidak melibatkan diri dalam seni Taekwondo kerana seni ini sudah menjadi sukan antarabangsa dan dikenali ramai.

### Rujukan

- Bafirman, B. (2019). pengaruh latihan pemberat kaki terhadap kemampuan tendangan dollyo chagi pada atlet taekwondo kabupaten kerinci. *JURNAL STAMINA*, 2(2), 254-266.
- Berita Harian (27 Ogos 2017). KL2017: Malaysia Menang Secara Sah. Diakses pada 24 November 2019 di <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2017/08/318374/kl2017-malaysia-menang-secara-sah>
- Dobok Taekwondo, (2014). "Dobok Taekwondo dan Cara Memakainya". Diakses pada 5 Disember 2019 di <https://doboktaekwondoo.wordpress.com/2014/03/28/dobok-taekwondo-dan-cara-memakainya/>
- Docdoc, (2018). "Apakah itu Mouth Guard: Gambaran Umum, Manfaat, dan Hasil yang Diharapkan". Diakses pada 5 Disember 2019 di <https://www.docdoc.com.sg/id/info/procedure/mouthguard/>
- Faridah, N. L. (2014). *KOMUNIKASI NONVERBAL WASIT PADA LATIHAN TAEKWONDO DI SURABAYA* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).



- Fresh Beautiful Style.com (2019). Taekwondo Philosophy. Diakses pada 27 November 2019 di <https://ms.fresh-beautiful-style.com/publication/41599/>
- “History and Development Taekwondo in Malaysia”. Diakses pada 5 Desember 2019 di [http://star\\_tkd.tripod.com/](http://star_tkd.tripod.com/)
- HealthyCareInfo (2019). Berapa Lama Untuk Mendapatkan Tali Pinggang Hitam di Taek Won Do? 2019. Diakses pada 27 November 2019 di <https://ms.healthycareinfo.com/how-long-to-get-black-belt-in-tae-kwon-do-49768>
- Kukkiwon, World Taekwondo Headquarters.* (2019) diakses pada 1 Desember 2019 di <http://www.kukkiwon.or.kr/front/eng/main2.action>
- New Straits Times (2018, May 30). *Podium Target for Poomsae Squad at Asian Games.* Diakses pada 24 November 2019 di <https://www.nst.com.my/sports/others/2018/05/374873/podium-target-poomsae-squad-asian-games>
- Rajendren, KM (22 Oktober 2019) *Perkembangan Sukan Taekwondo di Malaysia* [Temubual]
- Rita Nora (2018). 5 Teknik Dasar Taekwondo Beserta Gambarnya. Diakses pada 27 November 2019 di <https://olahragapedia.com/teknik-dasar-taekwondo>
- Southwick, R. (1988). A Brief History of Taekwondo. Diakses dari laman sesawang <https://msu.edu/~spock/history.html>
- Suhaeri (2019). Sejarah Taekwondo. Diakses pada 27 November 2019 di <https://suhaeri.weebly.com/sejarah-taekwondo.html>
- Sukan Taekwondo (2014). Belajar Taekwondo I Warna Tali Pinggang Taekwondo. Diakses pada 27 November 2019 di <https://rosibrahim.com/2014/06/belajar-taekwondo-warna-tali-pinggang-taekwondo/>
- Suryadi, Vincentius Yoyok. (2018). Diakses pada 5 Desember 2019 di <https://www.kaskus.co.id/thread/5a82737da09a39bd388b4567/apa-itu-poomsae-taekwondo/>
- Taekwondo Malaysia (2015). *What Is Taekwondo.* Diakses pada 24 November 2019 di <http://www.tkdmaswtf.com.my/>
- Tirtawirya, D. (2005). Perkembangan dan Peranan Taekwondodalam Pembinaan Manusia Indonesia. *JORPRES (Jurnal Olahraga Prestasi)*, 1(2).
- UNANSEA (2018). *Tali Pinggang Dalam Taekwondo-Kad Melawan Pejuang.* Diakses pada 24 November 2019 di <https://ms.unansea.com/tali-pinggang-dalam-taekwondo-kad-melawat-pejuang/>
- Yayasan Sime Darby (2019). *Governing Council Members.* Diakses pada 24 November 2019 di <http://www.yayasansimedarby.com/about-us/governing-council-members/yam-tunku-tan-sri-imran-ibni-almarhum-tuanku-jaafar>